

Jangan penjara kanak-kanak hisap rokok

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Parlimen bersetuju dengan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bagi memastikan kesihatan rakyat terjamin termasuk kesihatan generasi akan datang.

Pengerusinya, Dr Kelvin Yii Lee Wuen berkata, pihaknya turut bersetuju bagi mempercepat kawal selia produk tembakau dan rokok elektronik.

“Kami bersetuju bahawa kerajaan harus menangani beberapa isu dalam penguatkuasaan, malah meletakkan satu penilaian mandatori untuk memastikan akta ini mencapai sasaran yang diinginkan tanpa ada kesan sampingan,” katanya semasa sidang akhbar di bangunan Parlimen pada Khamis.

Pada Rabu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar membentangkan RUU itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

Kelvin turut memberikan dua rekomen-dasi iaitu menangguk-kan pelaksanaan generasi penamat (GEG) selama tiga tahun.

“Ini untuk memasti-kan satu implementasi efektif termasuk menyedi-kan rangka kerja penguatkuasaan antara kerajaan.

“Kita tahu penguatkuasaan bukan sahaja di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tetapi (melibatkan) kementerian dan agensi lain. (Ini) bermaksud GEG akan diimplementasi pada tahun 2025,” katanya.

Jelasnya, rekomendasi yang kedua ialah memasukkan satu klausa penilaian mandatori ke dalam akta itu dan kemudiannya dipersetujui di Parlimen.

Katanya, antara cadangan lain dikemukakan ialah kerajaan perlu



KELVIN

mengetatkan dan me-ningkatkan pe-nguatkuasaan terhadap rokok haram supaya implementasi GEG dilakukan secara efektif.

Tegasnya, rekod jenayah dan penjara juga tidak perlu terhadap golongan muda dan kanak-kanak yang melakukan kesalahan.

“Hukuman terhadap golongan muda atau kanak-kanak tidak haruslah ada penjara dan tidak direkodkan dalam mana-mana sistem,” tegasnya.

Alternatif yang dicadangkan menurut Kelvin ialah mengadakan servis komuniti dan kaunseling kepada pesalah.

“Ketiga, kompaun yang dikenakan perlu munasabah dan satu garis panduan perlu diberikan terutama kepada pesalah kali pertama,” ujarnya.